



KONSERT WILAYAH GEMILANG



— SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2013 —



PROGRAM DAN ATURCARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,



Sambutan Hari Wilayah Persekutuan merupakan acara rasmi tahunan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB). Tahun 2013 merupakan kali kesembilan Kementerian ini menyambut Hari Wilayah Persekutuan secara bersama dengan menggabungkan ketiga-tiga Wilayah iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sambutan secara bersama ini dilakukan sejak penubuhan semula Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 27 Mac 2004.



Y.B DATO' RAJA NONG CHIK
BIN DATUK ZAINAL ABIDIN

Tema Hari Wilayah Persekutuan bagi tahun 2013 iaitu 'Perpaduan Teras Kesejahteraan Wilayah Persekutuan' amat bertepatan dengan penganjuran Konsert DiRaja sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan kali ini. Konsert DiRaja ini juga merupakan salah satu daripada program dalam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2013 yang melibatkan pelbagai pihak yang telah menajayakan visi dan misi Kementerian terutamanya dalam pembangunan dan kesejahteraan Wilayah Persekutuan.

Di samping itu, dengan kehadiran Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah menjadikan konsert ini lebih unik dalam mempertingkatkan kemersaan warga Wilayah Persekutuan dengan pihak istana. Malah, dalam durasi yang singkat ini, KWPKB mengambil kesempatan untuk menyentuh warna-warna hati semua warga Wilayah Persekutuan untuk menghayati seni yang dilagukan, ditarikan dan dialunkan oleh artis-artis terkenal tanahair bersama para penari dan pemuzik hebat yang bergabung untuk merealisasikan persembahan pada malam ini.

Untuk itu, besar harapan saya agar Konsert DiRaja ini dapat mencapai maksud penganjurannya iaitu untuk mengeratkan hubungan dan perpaduan yang sedia terjalin antara KWPKB, Istana Negara, agensi-agensi di bawah KWPKB, pemimpin masyarakat, pihak media massa dan lain-lain pihak yang berkaitan.

Akhir kata, bagi pihak warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta agensi-agensi di bawahnya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menyumbang dan terlibat menganjurkan Konsert DiRaja sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2013 kali ini. Syabas dan tahniah kepada semua.

Salam hormat,

YB DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar





7.15 MALAM -

KETIBAAN TETAMU JEMPUTAN

JAMUAN RINGAN DISEDIAKAN

8.00 MALAM -

KETIBAAN DIF-DIF KEHORMAT

8.30 MALAM -

PERSEMPAHAN KONSERT DIRAJA DIMULAKAN

1. KOIR KEBANGSAAN

- TARI TUALANG TIGA

MENYUSUN TARI ALA TARI, SEMBAH DI BERI
CERGAS TANGKAS ALA SAYANG, GERAK DAN GERI
MENJUNJUNG TINGGI AMBOI TINGGI, SENI SEJATI
PUSAKA ASLI ALA ASLI, HAI IBU PERTIWI

MELENGGANG GAYA ALA GAYA, GERAK WANITA
DENGAN TARI ALA SAYANG, TUALANG TIGA
MENJUNJUNG TINGGI AMBOI TINGGI, SENI BUDAYA
DIKENANG BANGSA ALA BANGSA, OH SEPANJANG MASA

LANGKAH SERENTAK, ALA SAJAK, SAMA BERGERAK
SIGAK GAYA ALA SAYANG, PENDEKAR, PUTERI
BERTEPUK TANGAN AMBOI TANGAN, TANDA BERANI
TIADA GENTAR, ALA SAYANG, HAI MEMBELA DIRI

MENJUNJUNG TINGGI AMBOI TINGGI, SENI BUDAYA

